



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2008/09**

NAMA MATA PELAJARAN : UNDANG-UNDANG PEMBINAAN

KOD MATAPELAJARAN : BPD 2032

KURSUS : 2 BPC

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL 2009

JANGKA MASA : 2 JAM

**ARAHAN : **BAHAGIAN A
WAJIB JAWAB****

**BAHAGIAN B
JAWAB TIGA (3) SOALAN SAHAJA
DARIPADA EMPAT (4) SOALAN**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 MUKA SURAT

BAHAGIAN A (25 markah)

- S1 Undang-undang binaan dirangka berdasarkan undang-undang kontrak dan tort.
- (a) Nyatakan fungsi sesuatu kontrak. (5 markah)
 - (b) Nyatakan ciri-ciri yang perlu ada dalam sesebuah perjanjian yang boleh dinamakan sebagai satu ikatan kontrak. (5 markah)
 - (c) Terangkan pemahaman anda mengenai undang-undang tort. (5 markah)
 - (d) Jelaskan TIGA (3) perbezaan antara tort dan kontrak. (5 markah)
 - (e) Pilih SATU (1) dari kes di bawah dan terangkan secara ringkas fakta kes dan keputusan mahkamah mengenainya
 - i) Donoghue vs Stevenson
 - ii) Rylands vs Fletcher (5 markah)

BAHAGIAN B (75 markah)

- S2 Borang Kontrak setara digunakan dalam industri pembinaan di Malaysia seperti Borang kontrak JKR 203A/203 2007, PAM 1998, dan juga CIDB 2000. Di dalam pentadbiran kontrak, pegawai penguasa adalah dikehendaki mengeluarkan sijil-sijil tertentu mengikut kontrak.

Anda dikehendaki menjelaskan **LIMA (5)** daripada sijil yang dinyatakan di bawah, bila masa ianya perlu dikeluarkan dan impaknya dari segi kontrak.

- (a) Sijil Bayaran Interim.
- (b) Sijil Perakuan Siap Kerja.
- (c) Sijil Perakuan Kerja Tak Siap.
- (d) Sijil Lanjutan Masa.
- (e) Sijil Perakuan Muktamad.
- (f) Sijil Siap Membaiki Kecacatan.

(25 markah)

- S3 Anda telah diminta oleh rakan anda seorang pengurus projek bagi sebuah projek pembinaan sebuah makmal perubatan untuk Kementerian Kesihatan Malaysia dan dilaksanakan secara Kontrak Reka dan Bina. Kemajuan kerja di tapak telah mencapai 30 peratus. Beliau telah mendapat arahan dari Pengarah Projek untuk membuat beberapa perubahan kerja di tapak. Rakan anda telah meminta nasihat anda sama ada beliau boleh membuat tuntutan terhadap arahan-arahan perubahan kerja yang diberikan oleh Pengarah Projek berkenaan.

Berdasarkan Borang Kontrak setara JKR DB 2007, nasihati rakan anda mengenai perkara ini.

(25 markah)

- S4 Kontraktor Selamat Sendirian Berhad telah berjaya memperolehi kontrak bagi pembinaan sebuah masjid yang telah ditender secara terbuka dan menggunakan borang kontrak Setara 203A pindaan 2007. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 12hb November 2008. Harga Kontrak yang disetujui terima adalah sebanyak RM1,000,000.00 dengan Tempoh Siap Kerja selama 12 bulan. Tarikh mula kerja adalah pada 1hb Disember 2008.

Nyatakan perkara yang perlu kontraktor tersebut sediakan sebelum dibenarkan memulakan kerja di tapak.

(25 markah)

- S5 Lanjutan daripada S4, anda telah dilantik oleh Kontraktor Selamat Sendirian Berhad untuk menjadi Pengurus Projek berkenaan secara kontrak. Pemilik syarikat kontraktor berkenaan adalah seorang ahli perniagaan yang tidak mempunyai latar belakang teknikal. Projek ini adalah merupakan projek pertama yang beliau perolehi dari kerajaan.

Sebagai seorang pengurus projek anda harus menerangkan kepada beliau tentang obligasinya sebagai kontraktor dalam menyiapkan projek tersebut.

(25 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT